

10 JAN 1997

KEKALAHAN BN DI PULAI CHONDONG DAN KES MB SELANGOR ANTARA TOPIK MT

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok dijangka membincangkan kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong, Kelantan dan kes Menteri Besar Selangor didakwa di Brisbane, Australia kerana tidak mengisytiharkan wang berjumlah kira-kira RM2.4 juta.

Mesyuarat yang berlangsung di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra itu dijangka memberi perhatian kepada perkara berkenaan berikutan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa MT akan meneliti kedua-dua perkara itu.

Pada pilihan raya kecil Pulau Chondong 6 Jan lepas, calon PAS, Zulkefli Mamat mendapat 4,778 undi mengalahkan calon BN, Yusoff Hamzah dengan majoriti 118 undi.

Ketika diminta mengulas kekalahan itu, Dr Mahathir berkata, ia menunjukkan rakyat Kelantan mahukan PAS tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Hj Muhd Taib pula ditahan pegawai kastam Australia di Lapangan Terbang Brisbane 22 Dis lepas kerana tidak mengisytiharkan wang tunai yang dibawanya mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan yang mewajibkan pelawat asing mengisytiharkan wang yang dibawa melebihi A\$5,000. Naib presiden Umno itu akan dibicarakan di negara itu Mac ini. -- BERNAMA

AH OBA